

Bank Dunia perlu kaji sekatan: PM

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Bank Dunia mengkaji semula cadangan mengenakan sekatan terhadap pinjaman perdagangan antarabangsa.

Menurutnya, langkah yang boleh memberi kesan terhadap Malaysia itu adalah tidak adil kerana ia tidak dikenakan terhadap negara maju yang turut menawarkan pinjaman seumpama itu.

Beliau meminta Bank Dunia mengambil kira pelbagai perkara sebelum melaksanakan cadangan yang sebenarnya tidak

menguntungkan mana-mana pihak.

"Sebenarnya, tindakan ini boleh menjejaskan Skim Bayaran Kredit Minyak sawit (POCPA) yang kini diamalkan oleh negara kita terhadap negara pengimport.

"Bagi saya, Bank Dunia sebenarnya berpendapat, adalah menjadi kesalahan bagi kita berbuat demikian sedangkan negara maju boleh," katanya.

Kita ingin tahu kenapa negara maju boleh, tetapi kita tidak boleh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Pesta Koko

Antarabangsa Malaysia di sini, hari ini. Hadir sama ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik.

Baru-baru ini, Bank Dunia membayangkan kemungkinan tidak membenarkan kredit perdagangan antarabangsa melebihi tiga bulan. Setakat ini, melalui POCPA, Malaysia membenarkan kredit sehingga dua tahun.

Semalam, Dr Lim berkata, Malaysia akan memikirkan tindakan lanjut bagi menghadapi kemungkinan yang boleh menjejaskan perdagangan komoditi negara ter-

utama minyak sawit.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia tidak berniat bertindak balas sebaliknya sekadar meminta penjelasan daripada Bank Dunia mengenai punca serta keadilan cadangan itu.

Sementara itu, ketika ditanya khabar-khabar angin kononnya, Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatannya sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu, saya belum jumpa dia lagi, dia berada di luar negara. Saya belum jumpa dia, saya tidak tahu."